

MAHATHIR-SUTERA

OLEH ZAINOOR SULAIMAN

1784

KUALA BERANG, 10 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDIA MENIMBANG KEMUNGKINAN MENJADIKAN PERUBAHAN ULAT SUTERA SEBAGAI INDUSTRI LUAR BANDAR SECARA BESAR-BESARAN SEKIRANYA PROJEK BERKENAAN DI AJIL, DEKAT SINI MENCPAI KEJAYAAN MEMUASKAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PROJEK INI MEMPUNYAI POTENSI UNTUK DIKEMBANGKAN SEBAGAI SATU INDUSTRI LUAR BANDAR, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SEMASA MELAWAT PROJEK TERSEBUT MILIK PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU (PMINT).

BELI AU BAGA IMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA INDUSTRI TER SEBUT MEMERLUKAN DISIPLIN DAN KETEKUNAN PARA PENGUSAHANYA.

BELIAU PERCA'YA JIKA PROJEK ITU DIUSAHAKAN DENGAN BAIK IA DAPAT DIKEMBANGKAN MENJADI SATU INDUSTRI BAGI MENINGKATKAN LAGI PEMBANGUNAN EKONOMI SEKTOR W A R BANDAR.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU KAGUM DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH INDUSTRI TERSEBUT IAITU SATU BIDANG INDUSTRI BARU D A N MASIH DALAM PERINGKAT PERCUIBAAN.--LAGI 1721/AJ

SEBELUM S T U DALAM TAKLIMATNYA PENGURUS BESAR PMINT DATUK ABDUL AZIZ IBRAHIM BERKATA INDUSTRI TERSEBUT MULA DIPERKENALKAN DI NEGARA INI TAHUN 1972 TETAPI DIMAJUKAN OLEH PMINT SECARA KOMERSIAL MULAI TAHUN 1980 .

BUAT PERMUCAAAN TANAH SELUAS 400 HEKTAR DI KAWASAN INI DIMAJUKAN SEBAGAI LADANG MALBERI S E R T A PEMBINAAN TAPAK BANGUNAN PEMELIHARAAN ULAT, KILANG DAN PEJABAT.

KERAJAAN PUSAT MEMBERI PINJAMAN \$9 JUTA UNTUK PROJEK. KINI LEBIH 150 METRIK TON KEPOMPONG D A P A T DIHASILKAN.

DATUK ABDUL AZIZ BERKATA PENJUALAN 150 METRIK TON KEPOMPONG ITU AKAN MENGHASILKAN \$1.5 JUTA DAN NILAINYA AKAN BERTAMBAH MENJADI 4'2.3 JUTA APABILA DIPROSES MENJADI RENANG.

BENANG SUTERA ITU PULA APABILA DITENUN AKAN MENGELUARKAN 459,000 METER KAIN BERTARIFA KIRA-KIRA \$18 JUTA.--LAGI 1739/PA

MAHATHIR-SUTERA 3 KUALA LUMPUR

DATUK AZIZ BERKATA PMINT MENGGALAKKAN PETANI-PETANI MEMELIHARA ULAT SUTERA TETAPI HANYA ULAT-ULAT YANG SUDAH AGAK BESAR DISERAHKAN KEPADA MEREKA UNTUK MENGELAKKAN RISIKO JANGKITAN PENYAKIT D A N SDEBAGAINYA.

SEORANG PETANI YANG MEMPUNYAI DUA HEKTAR TANAH D A P A T MENTERNAK ULAT SUTERA ENAM KALI SETAHUN DENGAN KEMAMPUAN PENGELUARAN 30 KILOGRAM

KEPOMPONG BAGI SETIAP TONG DALAM SETIAP KALI PEMELIHARAAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI YANG MELAWAT TIGA HARI KE TERENGGANU DIIRINGINYA OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA O R SITI HASMAH, MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK AMAR HAJI W A N MOKHTAR AHMAD, MENTERI PERTANIAN DATUK ABDUL MANAN OTHMAN SERTA ISTERI Masing-masing S E M A S A MELAWAT PROJEK ITU. --BERNAMA 1841/PA